

# Prinsip Perlakuan

untuk Pihak Ketiga



# S K E P M

## **1. Pengenalan** **03**

## **2. Bagaimana Nilai Murni Vale digunapakai terhadap pihak ketiga** **04**

### **2.1. Kehidupan Adalah Keutamaan** **05**

2.1.1. Keselamatan dalam setiap aspek kehidupan

2.1.2. Kesihatan di tempat kerja

### **2.2. Hormati planet dan komuniti kita** **06**

2.2.1. Menjaga alam sekitar

2.2.2. Hubungan dengan masyarakat

### **2.3. Hargai individu yang membina syarikat kita** **07**

2.3.1. Hormati Hak Asasi Manusia

2.3.2. Persekitaran kerja yang inklusif

### **2.4. Bertindak dengan integriti** **09**

2.4.1. Keputusan tanpa konflik kepentingan

2.4.2. Akauntabiliti terhadap data dan aset

2.4.3. Privasi data peribadi dan perlindungan

2.4.4. Tidak bertoleransi terhadap rasuah atau apa-apa keuntungan yang tidak wajar

2.4.5. Persaingan adil dan perniagaan yang bertanggungjawab

2.4.6. Sekatan dan pengubahan wang haram

2.4.7. Hadiah dan hospitaliti

### **2.5. Merealisasikan pelaksanaannya** **13**

2.5.1. Kawalan Dalaman dan Ketelusan

## **3. Melaporkan Salah Laku yang Disyaki dan Berinteraksi dengan Vale** **14**

3.1. Saluran Tukang Adu

3.2. Saluran Mendengar dan Maklumbalas

## **4. Glosari** **17**

# Pengenalan



## Tujuan Vale:

Kita wujud untuk menambah baik kehidupan dan mengubah masa depan.

**Bersama-sama.**

We believe mining is essential to the world's development. We serve society when we generate prosperity for all and take care of the planet. So, we exist to improve life and transform the future. Together.



## Nilai Murni Vale:

Perkara paling penting dalam kehidupan. Hormati planet dan komuniti kita. Hargai individu yang membina syarikat kita. Bertindak dengan Integriti. Merealisasikan pelaksanaannya.

Di Vale, Tatakelakuan kita merangkumi prinsip asas yang seharusnya membimbing tindakan dan keputusan harian kita, menjadi asas kepada budaya serta tujuan perniagaan. Setiap nilai dikaitkan dengan prinsip yang membimbing usaha kita untuk kekal sebagai sebuah syarikat yang beretika, serta sentiasa berkembang secara lestari, cekap dan inovatif.

Prinsip Tatakelakuan untuk Pihak Ketiga ini melengkapi Tatakelakuan kita dengan menjelaskan bagaimana kita mengaplikasikan nilai-nilai Vale dalam hubungan kita dengan pihak ketiga. Kami berusaha untuk bekerjasama dengan pihak ketiga — pembekal, termasuk penyedia perkhidmatan keselamatan korporat, pelanggan, dan rakan kongsi lain — yang mematuhi semua undang-undang yang berkenaan serta komited untuk mengendalikan perniagaan mereka secara bertanggungjawab dan beretika.

Dokumen ini turut menggabungkan Sepuluh Prinsip *Global Compact* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Di Vale, kita menegaskan semula komitmen terhadap prinsip-prinsip ini, yang membimbing tindakan kita dalam kelestarian, hak asasi manusia, etika, dan tanggungjawab korporat. Kita juga menggalakkan pihak ketiga untuk mengamalkan prinsip-prinsip ini dalam Kod Tatakelakuan mereka sendiri.



Photo: Jeferson Capela

2.

## Bagaimana *Nilai Vale* Diterapkan kepada Pihak Ketiga

## 2.1. Kehidupan Adalah Keutamaan

Keselamatan ialah prinsip wajib bagi kita dan prasyarat untuk menjalankan apa-apa aktiviti di Vale. Kita mengakui bahawa keputusan kita boleh memberi kesan kepada kehidupan individu di dalam dan di luar Vale, sekaligus menjadi sebab kita sentiasa meletakkan keutamaan penting pada keselamatan dan warga kerja dalam membuat keputusan kita.

Kita mengamalkan piawaian yang membolehkan kita beroperasi dengan disiplin operasi serta merancang dan melaksanakan aktiviti dengan cara yang beretika, bertanggungjawab dan selamat. Usaha ini dijalankan melalui model pengurusan kita, VPS (Vale Production System), yang menggalakkan pengurusan rutin yang cekap dalam usaha mencapai kecemerlangan operasi.

### BACA LEBIH LANJUT:

[Health & Safety at Vale](#)




Photo: Jeferson Capela

### 2.1.1. Dalam semua aspek keselamatan

Pihak ketiga mesti mematuhi undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkenaan, bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Pembekal kita juga mesti mengikut garis panduan yang dirangkakan dalam Panduan HSE untuk Pembekal Vale dan mana-mana standard dan keperluan kesihatan dan keselamatan khusus termasuk Peraturan Emas (Golden Rules), apabila bekerja di salah satu tapak operasi kita.

Bagi kita, dengan mengamalkan nilai murni "Nayawa adalah Keutamaan" bermakna bertindak secara beretika, menangani kegagalan kita dengan telus, profesional dan segera. Oleh itu, adalah penting bagi pihak ketiga untuk turut melaporkan sebarang kejadian atau keadaan yang tidak selamat yang mereka kenal pasti di Vale, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dan kami dapat belajar daripada situasi tersebut dari mengelakkan kejadian berulang. Selain itu, menjadi tanggungjawab pihak ketiga untuk mengenal pasti dan menangani risiko yang berkaitan dengan aktiviti yang mereka jalankan, dengan sentiasa memberi tumpuan dalam memastikan keselamatan semua individu.

### BACA LEBIH LANJUT:

[HSE Guide for Vale Suppliers](#)



### 2.1.2. Kesihatan di tempat kerja

Pihak ketiga mesti mengamalkan amalan yang baik bagi memupuk persekitaran kerja yang inklusif, sihat dan selamat dalam semua aspek.

Bagi mencapai matlamat ini, mereka perlu sentiasa mengguna pakai dan memantau pelbagai penyelesaian, termasuk yang berasaskan teknologi, bagi mengenal pasti, mengurus, mengurangkan dan menghapuskan pendedahan kepada risiko kesihatan serta keselamatan pekerjaan, dengan tujuan untuk memupuk kesejahteraan menyeluruh yang merangkumi aspek fizikal, mental dan sosial.



Photo: Jeferson Capela



Photo: Alexandre Rezende

## 2.2. Hormati *planet* dan *komuniti kita*

### 2.2.1 Menjaga alam sekitar

Pihak ketiga mesti mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan. Pembekal juga mesti mengikut garis panduan yang dirangkakan dalam Panduan HSE untuk Pembekal Vale dan mana-mana peraturan dan keperluan alam sekitar lain yang khusus untuk operasi Vale apabila bekerja di tapak operasi Vale.

Pihak ketiga kita mesti menggalakkan budaya penggunaan sumber asli secara bertanggungjawab dengan menerima guna amalan pengeluaran lebih bersih yang memberikan pertimbangan terhadap aspek seperti kecekapan sumber, meminimumkan kesan ke atas biodiversiti, pengurusan sisa, kawalan pelepasan gas rumah hijau, penggunaan tenaga secara bertanggungjawab dan pencegahan pencemaran. Langkah-langkah ini mesti diguna pakai dalam operasi pihak ketiga sendiri dan di seluruh rantai bekalan masing-masing.

#### **BACA LEBIH LANJUT:**

[HSE Guide for Vale Suppliers](#) →

[Climate Change Policy](#) →

### 2.2.2 Hubungan dengan masyarakat

Pihak ketiga perlu menghormati komuniti di tempat kita beroperasi, mengutamakan keselamatan dan maruah masing-masing, serta mengiktiraf kepelbagaian sosial, ekonomi, budaya, alam sekitar, politik dan organisasi wilayah ini. Pihak ketiga juga mesti menghargai pengetahuan dan keupayaan komuniti setempat, Orang Asli dan komuniti tradisional dan berusaha memahami dan menghormati sejarah dan hak mereka.

Pihak ketiga didorong untuk menggalakkan dialog telus dengan komuniti yang terjejas oleh aktiviti yang dijalankan dan bertindak sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sentiasa menghormati Hak Asasi Manusia.

#### **BACA LEBIH LANJUT:**

[Human Rights Guide](#) →



Photo: Rodrigo Zeferino



## 2.3. *Hargai* individu yang membina syarikat kita

Kita komited untuk menghormati, meningkatkan kesedaran mengenai dan mempromosikan Hak Asasi Manusia. Kita berusaha untuk mencegah potensi kesan buruk dan, apabila perlu, mengambil langkah mitigasi dan pembetulan sepanjang pelaksanaan aktiviti, dalam perkongsian serta di seluruh rantai nilai kami melalui penglibatan yang aktif dengan pihak berkepentingan. Tindakan dan amalan pengurusan kita adalah berdasarkan prinsip dan piawaian antarabangsa, termasuk Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan undang-undang setiap negara di kawasan kita beroperasi.

Kita menghargai kepelbagaian dan menolak apa-apa bentuk prasangka, diskriminasi, atau gangguan. Kita berusaha memastikan bahawa semua individu dihormati dan mempunyai peluang mengembangkan potensi mereka, tanpa mengira perbezaan budaya atau ideologi, ketidakupayaan, jantina, warna kulit, etnik, kewarganegaraan, asal-usul, kepercayaan politik, kepercayaan agama, umur, status perkahwinan, status kesatuan, kelas sosial, orientasi seksual, identiti jantina, atau apa-apa keadaan lain. Kita komited untuk membina persekitaran penuh hormat supaya warga kerja boleh mengadakan dialog terbuka dan bersikap jujur kepada diri mereka sendiri.

Photo: Matheus Matta Machado



Photo: Alexandre Rezende

### 2.3.1 Hormati Hak Asasi Manusia

Vale mengharapkan pihak ketiga agar mengenali dan memahami Dasar dan Panduan Hak Asasi Manusia Vale Serta menyelaraskan tingkah laku mereka dengan amalan antarabangsa yang dirujuk dalam dokumen tersebut. Ini bermakna pihak ketiga mesti berusaha mencegah dan mengesan kesan Hak Asasi Manusia dan, apabila perlu, mengurangkan dan membetulkan kesan tersebut jika ini telah mengakibatkan, menyumbang kepada, atau dikaitkan secara langsung dengan kesan berkenaan.

Pihak ketiga mesti menggalakkan rasa hormat terhadap hak pekerja untuk membentuk atau menyertai kesatuan sekerja secara sah dan aman, serta berunding secara kolektif dan menerima upah dan manfaat yang adil dan berdaya saing, menghormati undang-undang buruh setiap negara.

Pembekal kita juga mesti melarang penggunaan buruh kanak-kanak, serta apa-apa bentuk buruh yang boleh dianggap sebagai paksaan atau serupa dengan perhambaan.

Kami menggalakkan pihak ketiga kita untuk melaporkan apa-apa situasi yang melibatkan pelanggaran Hak Asasi Manusia dalam rantai nilai kita. Bagi menyokong perkara ini, kami menyediakan [Saluran Tukang Adu](#) untuk laporan dan siasatan.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Human Rights Guide](#) →

### 2.3.2 Persekitaran kerja yang inklusif

Pihak ketiga mesti berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang pelbagai dan inklusif berdasarkan hubungan saling menghormati, beretika dan berintegriti, yang tidak bertolak ansur dengan apa-apa bentuk prasangka, diskriminasi, gangguan, atau gangguan seksual, atau apa-apa situasi melibatkan keganasan, penghinaan, ugutan, ejekan, permusuhan, atau rasa malu.

Pihak ketiga diharapkan dapat melibatkan diri dalam dialog yang terbuka dan telus dengan kami. Kita tidak akan bertindak balas terhadap sesiapa sahaja kerana menyatakan pendapat yang berbeza. Kami komited untuk mendengar secara aktif, serta pendedahan dan penyelesaian masalah.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Diversity and Inclusion Policy](#) →



## 2.4. Bertindak dengan integriti

Bagi kita, integriti ialah komitmen harian yang membimbing setiap keputusan kita. Vale tidak bertoleransi terhadap sogokan dan rasuah, serta tidak melindungi sesiapa yang terlibat dalam mana-mana aktiviti rasuah, sama ada pekerja atau pihak ketiga.

Program Etika & Pematuhan Vale menyediakan latihan mengenai prinsip **Tatakelakuan** kita dan termasuk tadbir urus, garis panduan dan peraturan anti-rasuah yang jelas. Kami menggalakkan pihak ketiga kita untuk melaksanakan program pematuhan yang serasi dengan ciri perniagaan masing-masing, serta mengambil kira faktor seperti saiz syarikat dan risiko yang terdedah oleh pihak ketiga tersebut.



Photo: Washington Alves

## 2.4.1 Keputusan tanpa konflik kepentingan

Apabila bekerja untuk atau bagi pihak Vale, pihak ketiga mesti memastikan bahawa tindakan yang diambil atau apa-apa pengawasan tidak mendedahkan syarikat kita kepada liabiliti undang-undang, kritikan awam atau sebaliknya menjejaskan mana-mana operasi atau aktiviti, atau reputasi Vale. Kepentingan, aktiviti dan pengaruh luar tidak boleh sesekali diutamakan terlebih dahulu sebelum kepentingan hubungan perniagaan dengan Vale.

Pihak ketiga perlu mendedahkan kepada wakil Vale sekiranya terdapat sebarang hubungan peribadi – Seperti hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pekerja Vale yang terlibat dalam membuat keputusan berkaitan interaksi mereka dengan syarikat, sama ada sebelum rundingan bermula atau sekiranya hubungan tersebut timbul semasa hubungan perniagaan sedang berjalan.

## 2.4.2 Kebertanggungjawaban data dan aset

Adalah menjadi tanggungjawab pihak ketiga untuk menguruskan maklumat dan aset Vale yang mereka akses mengikut garis panduan pengelasan maklumat Vale, dengan mengekalkan kerahsiaan terhadap maklumat sulit, terhad, dan untuk kegunaan dalaman. Mereka juga mesti memastikan perlindungan serta pemeliharaan terhadap integriti, kerahsiaan dan ketersediaan maklumat Vale.

Pihak ketiga juga mesti mematuhi Dasar Pendedahan Maklumat dan Perdagangan Sekuriti Vale.

Sebarang urus niaga sekuriti (seperti saham, American Depositary Receipts, debentur dan lain-lain) yang dikeluarkan oleh atau merujuk kepada Vale (contohnya derivatif), mesti dijalankan berasaskan prinsip ketelusan, keadilan dan etika. Penggunaan maklumat dalaman yang bersifat material oleh mana-mana individu yang mempunyai akses kepadanya bagi tujuan mendapatkan keuntungan peribadi atau untuk pihak lain melalui perdagangan sekuriti adalah dilarang sama sekali.

### BACA LEBIH LANJUT:

[Policy of Disclosure of Information and Securities Trading](#) →

[Information Security Policy](#) →



Photo: José Palma

### 2.4.3 Privasi dan perlindungan data peribadi

Pihak ketiga mesti menjalankan aktiviti masing-masing dengan pematuhan yang ketat terhadap undang-undang dan peraturan privasi dan perlindungan data peribadi yang berkenaan. Mereka juga mesti menerima guna langkah teknikal dan organisasi yang sesuai, serta amalan terbaik dan teknologi tersedia, untuk memastikan perlindungan data tersebut, bertindak secara pencegahan bertujuan mengurangkan risiko dan mengelakkan kejadian keselamatan atau pelanggaran privasi.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Privacy at Vale](#)



Photo: Daniel Martins

### 2.4.4 Intolerance for corruption or any improper advantage

Pihak ketiga tidak boleh menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa bentuk nilai (contohnya wang, hadiah, layanan, derma, peluang pekerjaan, barangan atau harta benda, serta manfaat tidak ketara seperti maklumat sulit atau tip) secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pegawai kerajaan atau individu lain, dengan pengetahuan bahawa keseluruhan atau sebahagian nilai tersebut akan digunakan untuk tujuan rasuah, mendapatkan kelebihan tidak wajar, atau menjejaskan reputasi etika syarikat dan/atau Vale.

Pihak ketiga juga tidak dibenarkan membuat sebarang bayaran pemudahan (facilitation payments) — iaitu bayaran yang dibuat bagi mempercepatkan atau menjamin pelaksanaan tindakan rutin oleh pegawai kerajaan — tanpa mengira sama ada bayaran tersebut dibenarkan oleh undang-undang tempatan atau tidak.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Anti-Corruption guide for suppliers and other third parties](#)



### 2.4.5 Persaingan adil dan perniagaan yang bertanggungjawab

Pihak ketiga mesti bertindak dengan integriti dan berusaha membina persekitaran perniagaan yang bebas daripada penipuan, perlakuan yang menyalahi undang-undang dan apa-apa bentuk manipulasi. Undang-undang antitrust yang berkenaan mesti dipatuhi dan pihak ketiga sepatutnya beroperasi menurut prinsip perusahaan bebas, persaingan adil, fungsi sosial harta benda, perlindungan pengguna dan pencegahan penyalahgunaan kuasa ekonomi, memelihara ekonomi pasaran bebas. Pihak ketiga tidak boleh bersubahat atau bersetuju menetapkan atau mengawal harga, terma atau syarat atau cuba mempengaruhi hasil daripada proses Vale yang berdaya saing.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Antitrust Policy](#)





Photo: Washington Alves

### 2.4.6 Sekatan dan perubahan wang haram

Pihak ketiga mesti sentiasa bertindak dengan gigih dan berhati-hati untuk menjalankan aktiviti masing-masing dengan mematuhi peraturan Kawalan dan Sekatan Eksport domestik dan antarabangsa, serta undang-undang, standard dan peraturan lain yang berkaitan dengan pencegahan perubahan wang haram.



### 2.4.7 Hadiah dan hospitaliti

Pihak ketiga tidak boleh mewujudkan apa-apa jenis hubungan institusi bagi pihak Vale. Pihak ketiga juga tidak boleh menawarkan atau memberi hadiah dan hospitaliti kepada pegawai kerajaan atau mana-mana individu lain bagi pihak atau untuk manfaat Vale, mahupun menerima kedua-duanya.

Pihak ketiga tidak boleh sesekali menawarkan (atau menerima) hadiah dan hospitaliti kepada (atau daripada) pekerja Vale untuk apa-apa kelebihan yang tidak wajar atau mempengaruhi hubungan perniagaan dengan cara yang tidak sepatutnya.

Pertukaran wang tunai atau setara dengannya bersama pekerja Vale, seperti baucar atau kad hadiah, adalah dilarang.



Photo: Washington Alves

## 2.5. Merealisasikan *pelaksanaannya*

Kita berusaha mendapatkan hasil yang sejajar dengan nilai murni kita. Kita mempunyai model tadbir urus yang secara jelas mentakrifkan perkara yang diharapkan daripada setiap individu, membantu mencegah dan mengurangkan risiko pada tahap yang berbeza dan dari pelbagai sumber. Kita menjalankan aktiviti pemantauan berkala yang membenarkan kita mengenal pasti risiko utama dan mengakses keberkesanan kawalan kritikal kita.

### 2.5.1 Kawalan Dalaman dan Ketelusan

Pihak ketiga mesti menjaga lejar dan rekod kewangan dengan tepat yang jelas dan telus menunjukkan transaksi yang dijalankan dan mempunyai dokumentasi untuk mempamerkan penajaran dengan Prinsip Perlakuan ini.

Vale boleh menilai komitmen terhadap Prinsip Perlakuan ini dengan menjalankan penilaian rutin dan/atau meminta dokumentasi sokongan. Kegagalan untuk mematuhi Prinsip Perlakuan, atau kegagalan membetulkan situasi ketidakpatuhan, mungkin menjadi sebab bagi Vale menamatkan hubungan perniagaan dengan pihak ketiga.



### 3.

## *Melaporkan Salah Laku yang Disyaki dan Berinteraksi dengan Vale*



Photo: José Palma

## 3.1. Saluran *Tukang Adu*

**Saluran Tukang Adu Vale** tersedia kepada sesiapa sahaja – di dalam atau di luar syarikat – yang mahu melaporkan kes salah laku etika yang disyaki atau kegagalan mematuhi Prinsip Kelakuan ini.

Saluran Tukang Adu ialah alat eksklusif untuk tujuan ini, distrukturkan bagi memastikan kerahsiaan yang mutlak, melindungi ketanpanamaan tukang adu dan melindungi maklumat supaya siasatan yang adil dapat dilakukan. Saluran Tukang Adu menawarkan semua syarat agar laporan dapat disahkan secara bebas

Vale mengendalikan dakwaan secara saksama dan berobjektif. Semua dakwaan perlu memasukkan seberapa banyak maklumat yang mungkin bagi membolehkan siasatan adil dan berkesan dijalankan. Apabila dakwaan diterima, Vale menggerakkan seluruh struktur korporat untuk menjalankan siasatan dan, jika perlu, mempertanggungjawabkan mereka yang terlibat. Walau apa pun keadaannya akan berlaku pelanggaran kerahsiaan, ugutan atau tindakan balas terhadap tukang adu.

Vale secara berkala mendedahkan, melalui Laporan Program Etika & Pematuhan yang tersedia di laman web syarikat, bilangan dan profil dakwaan yang diterima, memastikan ketelusan sepenuhnya dalam proses sambil mengekalkan kerahsiaan penyiasatan dan mereka yang terlibat.

Kita juga menggalakkan pihak ketiga mewujudkan prosedur sendiri untuk menerima, memantau dan menyiasat laporan, dengan cara yang serasi dengan ciri perniagaan masing-masing.



Photo: José Palma



Photo: Washington Alves

### 3.2 Saluran Mendengar dan Maklumbalas

Vale mempunyai Saluran Mendengar dan Maklumbalas, dengan saluran mendengar yang boleh digunakan oleh mana-mana pihak berkepentingan untuk berkomunikasi dengan syarikat. Interaksi ini memerlukan respons atau tindakan daripada syarikat.

Pada masa ini, Vale mempunyai saluran mendengar berikut dengan liputan global: Hubungi Kami, Media Sosial dan Kakitangan Hubungan Komuniti juga mempunyai saluran dengan liputan tempatan di kawasan operasi tertentu, seperti Pusat Panggilan Pembaikan dan *Hello Railway*.

#### **BACA LEBIH LANJUT:**

[Listening and Response Mechanisms](#)





## 4. *Glosari*



## Gangguan

Siri beberapa serangan melalui kata-kata atau gerak isyarat yang biadab dan tidak wajar, komen berniat jahat, penghinaan bersifat prasangka atau diskriminasi, membuli, ugutan, khabar angin dan lawak jenaka yang tidak wajar serta mengaibkan pekerja dan menjejaskan hubungan profesional mereka.

## Gangguan Seksual

Apa-apa yang memaksa hubungan atau perhatian seksual yang tidak diingini kepada seseorang. Ini terdiri daripada permintaan seksual yang tidak diingini, nada yang tidak sesuai, atau kata-kata yang tidak senonoh kepada seseorang yang menjanjikan anda pekerjaan, kenaikan pangkat, saraan atau layanan istimewa sebagai pertukaran untuk pemberian seksual. Ini juga termasuk sentuhan yang tidak wajar atau tidak diingini dan menyiarkan atau berkongsi imej, objek, atau bahan berunsur seksual yang tidak wajar.

## Kawalan Eksport

Undang-undang dan peraturan yang menyekat eksport, eksport semula, atau pemindahan barangan dan perkhidmatan tertentu ke negara, syarikat dan individu tertentu.

## Data Peribadi

Apa-apa maklumat yang, apabila dikaitkan dengan seseorang individu, membolehkan pengenalannya, atau menjadikannya dapat dikenal pasti melalui data ini.

## Hak Asasi Manusia

Hak dan kebebasan sejagat yang ada pada semua manusia, di mana-mana di dunia, tanpa mengira usia, etnik, bangsa, jantina, kewarganegaraan, bahasa, agama, atau status lain. Semua individu layak mendapat hak ini, tanpa diskriminasi.

## Pengubahan Wang Haram

Merujuk kepada proses yang digunakan untuk membuat penyamaran sumber wang atau aset yang diperoleh daripada aktiviti jenayah supaya ia kelihatan seperti berasal daripada sumber yang sah.

## Sekatan

Sekatan yang dikenakan oleh negara atau organisasi antarabangsa ke atas negara, wilayah, entiti, atau individu tertentu, yang terdiri daripada pembekuan aset dan/atau sekatan perdagangan, sama ada secara menyeluruh atau terpilih, untuk mencapai dasar luar negeri atau objektif keselamatan negara.

